



**JABATAN LANDSKAP NEGARA**  
**Kementerian Wilayah Persekutuan**  
Tingkat 7, 11 & 15, Plaza Permata-IGB, Jalan Kampar Off Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur  
Tel: 03-40470000 Faks: 03-40452415 Emel: [kpijn@jln.gov.my](mailto:kpijn@jln.gov.my)  
Laman Web: [www.jln.gov.my](http://www.jln.gov.my)

---

## SIARAN MEDIA

### **MAJLIS PERASMIAN UJANA PERBANDARAN SUNGAI PETANI, KEDAH DARUL AMAN**

**SUNGAI PETANI, 30 November 2019** – YB Tuan Haji Khalid Abd. Samad Menteri Wilayah Persekutuan merasmikan Ujana Perbandaran Sungai Petani pada pagi ini. Majlis Perasmian menyaksikan penyerahan replika kunci taman daripada YB Tuan Haji Khalid Abd. Samad kepada YAB Dato' Seri Utama Menteri Besar Kedah Darul Aman yang diwakili oleh YB Encik Ooi Tze Min, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah.

Pembangunan Ujana Perbandaran Sungai Petani ini merupakan salah satu program utama Jabatan Landskap Negara di bawah Teras 3 Dasar Landskap Negara: Pelan Tindakan 3.1.3 iaitu Membangun Taman Awam, Taman Awam Berskala Besar (Taman Persekutuan), Taman Botani dan Arboretum sebagai teras penghijauan perbandaran dan pemeliharaan spesis tumbuhan. Jabatan Landskap Negara telah mensasarkan untuk membina sekurang-kurangnya sebuah taman berskala besar bagi setiap negeri, selaras dengan hala tuju utama Kementerian Wilayah Persekutuan ialah mewujudkan Persekutaran Hijau dengan perancangan pembangunan dan gaya hidup yang mesra alam.

Taman ini berkeluasan 11.8 hektar dengan nilai peruntukan sebanyak RM11,050,000 dikelilingi dengan kawasan perumahan dan pusat perniagaan Bandar Puteri Jaya. Ia direkabentuk dengan menerapkan konsep *Restorative and Healing Environment* iaitu menyediakan kemudahan rekreasi serta membaikpulih kawasan tanah terganggu di atas tapak yang telah dicemari akibat aktiviti pembinaan. Taman ini telah dinobatkan sebagai Pemenang Anugerah Platinum bagi kategori *Outdoor Public Space Category (Urban Park)* oleh *Malaysian Institute of Planners (MIP)* dan kategori *Profesional Landscape Analysis & Study Awards* oleh Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM).

Jabatan Landskap Negara dengan kerjasama Majlis Perbandaran Sungai Petani berjaya membangunkan sebuah taman awam yang berfungsi dan komprehensif untuk rakyat Sungai Petani. Justeru, penganjuran majlis perasmian Ujana Perbandaran Sungai Petani ini diadakan untuk mewarkan kepada masyarakat setempat bahawa taman awam yang dibina ini merupakan satu iltizam kerajaan

untuk mewujudkan persekitaran hidup berkualiti dan menyeluruh untuk rakyat. Penglibatan semua pihak adalah amatlah digalakkan terutamanya pihak agensi swasta serta Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam menyediakan kemudahan rekreasi seperti taman awam bagi memberi kemudahan kepada orang ramai untuk beriadah dan berekreasi.

Sempena majlis perasmian ini juga turut diadakan aktiviti apresiasi taman dan landskap seperti pertandingan mewarna, acara larian Ujana *Fun Run*, zumba, penanaman pokok, pameran jabatan dan agensi serta food truck dan jualan produk landskap bagi meraikan komuniti dan pengunjung setempat.

**Disediakan oleh:**

Bahagian Promosi dan Industri Landskap

Jabatan Landskap Negara

30 November 2019